



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“TENTERA DAN POLIS; WIRA BANGSA - WIRA NEGARA”

29 Julai 2022 / 29 Zulhijjah 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Menjelang sambutan Hari Pahlawan, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

“TENTERA DAN POLIS; WIRA BANGSA - WIRA NEGARA”

Sempena pengisytiharan tamatnya darurat pada 31 Julai 1960, kerajaan telah mengisytiharkan tarikh 31 Julai, sebagai Hari Pahlawan, bertujuan memperingati dan menghargai pengorbanan para anggota pasukan pertahanan dan pasukan keselamatan, yang mengabadikan jiwa raga mereka berkhidmat dan berbakti untuk nusa dan bangsa.

Kedaulatan sesebuah negara-bangsa, amat dipengaruhi oleh semangat kepahlawanan yang dimiliki oleh warganya. Tahap kepahlawanan paling tinggi seseorang warga terhadap negara-bangsa, ialah kesediaan mengabadikan jiwa raga, hatta ke peringkat sanggup berkorban nyawa untuk mempertahankan maruah bangsa dan kedaulatan negara; iaitu semangat rela mati berputih tulang daripada hidup berputih mata; inilah semangat kesateria yang dimiliki oleh setiap anggota tentera dan polis.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Anggota tentera dan polis ialah pahlawan negara, mereka merupakan insan-insan yang cekal lagi berani, memiliki semangat juang yang kental, memiliki semangat keberanian yang luar biasa, memiliki semangat pengorbanan yang tinggi, memiliki semangat dedikasi yang unggul; memiliki semangat kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada raja dan negara; lalu berjaya memenuhi amanah dan tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan dan kemakmuran sebuah negara merdeka. Anggota tentera dan polis ialah pejuang yang gagah dan perwira yang digentari.

Berjuang demi mempertahankan hak dan kebenaran merupakan amalan mulia yang disanjung tinggi dalam Islam, lebih-lebih lagi perjuangan yang bukan didasari kepentingan duniawi. Islam menegaskan berlakunya keadilan dalam setiap perkara. Oleh itu Islam membenarkan dipertahankan hak yang dirampas dengan cara yang tidak adil. Pahlawan yang berjuang untuk menegakkan keadilan dan mempertahankan hak, memiliki kedudukan istimewa berlandaskan firman Allah SWT:

.. فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَىٰ وَفَضَّلَ

اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾

Bermaksud: Allah melebihkan orang-orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang kerana uzur) dengan kelebihan satu darjat. Dan tiap-tiap satu (dari dua golongan itu) Allah menjanjikan dengan balasan yang baik (Syurga), dan Allah melebihkan orang-orang yang berjuang atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak berperang kerana uzur) dengan pahala yang amat besar.
(Surah An-Nisa ayat 95)

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Negara Malaysia berjaya dipertahankan sebagai sebuah negara merdeka lagi berdaulat dan rakyat dapat menjalani penghidupan harian dalam suasana aman dan damai, kerana keberkesanan para anggota tentera dan polis melaksanakan tugas. Dalam menjunjung amanah mempertahankan kedaulatan kemerdekaan negara, dan dalam memenuhi tanggungjawab memulihara keamanan negara, ramai anggota tentera dan polis yang cedera dan ramai pula yang kehilangan nyawa.



Anggota tentera – anggota polis adalah wira bangsa – wira negara, terbukti melalui semangat kepahlawanan yang diserlahkan ketika memikul tanggungjawab amat berat, bertugas di darat, di air dan di udara, mengawal negara daripada serangan musuh; di samping memastikan negara berada dalam aman sentosa. Demikian tugas berat yang digalas oleh anggota tentera – anggota polis, betapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Sabda Rasulullah SAW;

رَبَّاطُ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ خَيْرٌ مِنْ صِيَامِ شَهْرٍ وَقِيَامِهِ، وَإِنْ مَاتَ جَرَى عَلَيْهِ عَمَلُهُ الَّذِي كَانَ يَعْمَلُهُ،
وَأُجْرِي عَلَيْهِ رِزْقُهُ، وَأَمِنَ الْفُتَانَ

Bermaksud: Menjaga sempadan negara sehari semalam adalah lebih baik daripada berpuasa dan solat malam sebulan penuh. Bila penjaga tersebut meninggal dunia (ketika bertugas), dia akan terus diberikan pahala atas amalan yang biasa dilakukannya sebagaimana dia terus dikurniakan rezeki dan kenyamanan dari segala pengganggu (azab kubur).
(Hadis Riwayat Muslim)

Sidang Jumaat yang dirahmati Illahi

Jika negara makmur hingga menjadi syurga rezeki dan syurga pelaburan, jika negara aman dan tenteram, jika warga hidup rukun dan damai, sedarilah! keadaan tersebut dimungkinkan kerana khidmat berkesan yang dilaksanakan oleh para pahlawan negara bergelar tentera – bergelar polis. Tentera dan polis merupakan tenaga yang memungkinkan negara kekal berdaulat dan warga hidup dalam harmoni.

Sambutan Hari Pahlawan bukan sekadar untuk memperingati para anggota tentera dan polis yang telah terkorban, tetapi hendaklah juga memperlihatkan pengiktirafan negara dan warga kepada mereka yang masih dan sedang bertugas; juga memperlihatkan penghargaan negara dan warga kepada kaum keluarga yang telah kehilangan insan yang dikasihi, bernama anak, suami, isteri, ayah, ibu, abang, kakak atau adik. Ramai anggota tentera dan polis yang terkorban atas nama negara, disemadikan di pusara yang tidak bernama. Amatlah menyedihkan, apabila pengorbanan mereka begitu cepat luput dalam memori warga, setelah jasad mereka selesai disemadikan. Tangisan anak-anak mereka yang menjadi yatim, sedu sedan isteri mereka yang terlalu muda menjadi balu, hilang bagaikan dibawa angin,



sebaik selesai begol ditiupkan dengan lagu “*The Last Post*”. Demikian harga satu nyawa yang ditamatkan oleh sebutir peluru musuh, apabila warga tidak disuntikkan dengan semangat yang tahu menghargai pengorbanan. Demikian cepatnya dilupakan pengorbanan wira bangsa – wira negara.

Muslimin yang dikasihi Allah

Dalam hasrat mahu menghargai jasa pahlawan negara, dana atas nama Tabung Pahlawan, diperkenalkan. Dana ini diwujudkan khusus untuk menghargai para pahlawan negara yang berkorban tenaga, keringat, darah dan nyawa untuk mengekalkan keamanan dan mempertahankan kedaulatan negara. Dana Tabung Pahlawan turut digunakan untuk membantu keluarga anggota keselamatan yang telah terkorban.

Mimbar menyeru Muslimin kepada perkara-perkara berikut:

Pertama: Anggota tentera dan polis yang telah disemaikan jati diri insan bersemangat wira – berjiwa kesateria, hendaklah berupaya membina kekuatan dan keberanian dalaman untuk memperjuangkan yang hak dan menegakkan kebenaran serta menjunjung perjuangan suci yang mendapat keredaan Ilahi.

Kedua: Orang-orang yang ikhlas berjuang mempertahankan hak dan kebenaran, lalu terkorban, memiliki kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT dan Insya-Allah dikurniakan ganjaran syahid.

Ketiga: Warga menunjukkan penghargaan yang bermakna kepada para pahlawan negara dengan bermurah hati menghulurkan sumbangan dan derma ke Tabung Pahlawan Negara.

Mimbar turut memohon keikhlasan para jemaah agar sebahagian kutipan tabung masjid pada hari ini, diizinkan untuk disumbangkan ke Tabung Pahlawan Negara, menandakan penghargaan dan terima kasih kita kepada anggota tentera dan anggota polis.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَثْبِثْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ
اللَّهِ ﷺ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Limpahi rahmat Mu kepada para pejuang yang telah terkorban mempertahankan agama, bangsa dan tanah air. Tempatkan mereka bersama para syuhada. Kekalkan keamanan negara Malaysia, limpahi negara bumi ini dengan nikmat kemakmuran, harmonikan kehidupan warga negara Malaysia yang terdiri dari pelbagai agama, kaum dan budaya hidup dalam semangat saling menghormati.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulki!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.